

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)22**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

22. Apakah statistik tahunan penggunaan UTC KOMTAR sejak ia mula beroperasi?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan UTC di kawasan Seberang Perai memandangkan bilangan penduduk lebih ramai di Seberang Perai?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Pusat Transformasi Bandar (UTC) ialah program di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang menawarkan perkhidmatan pelbagai agensi di bawah satu bumbung dan beroperasi melangkaui waktu operasi biasa pejabat Kerajaan. UTC Pulau Pinang telah mula beroperasi sejak 15 Ogos 2020 di Bangunan KOMTAR di George Town, Pulau Pinang. Sejak pembukaannya sehingga April 2024, UTC Pulau Pinang telah menerima seramai 1,211,721 orang pelanggan seperti butiran berikut:

| <b>Tahun</b>                  | <b>Bilangan Pelanggan (orang)</b> |
|-------------------------------|-----------------------------------|
| 2020 (mulai 15 Ogos 2020)     | 81,771                            |
| 2021                          | 192,332                           |
| 2022                          | 346,399                           |
| 2023                          | 428,074                           |
| 2024 (sehingga 30 April 2024) | 163,145                           |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>1,211,721</b>                  |

- (b) Terdapat banyak faktor yang perlu Kerajaan pertimbangkan dalam penubuhan sesebuah UTC. Berdasarkan Klausu 4 Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan UTC, sewaktu penubuhan UTC baharu, MOF perlu menanggung kos ubah suai, naik taraf bangunan dan menyediakan peruntukan bagi perolehan peralatan khas agensi dan kelengkapan pejabat lainnya yang melibatkan peruntukan yang agak besar. Manakala setelah UTC beroperasi, Kerajaan perlu menampung kos sewaan dan penyelenggaraan ruang pejabat bagi Agensi Persekutuan serta kos operasi agensi di UTC seperti bil utiliti, bayaran elaun lebih masa kakitangan

dan pelbagai kos berkaitan. MOF pada ketika ini sedang memberi tumpuan untuk memperkuuhkan dasar dan hala tuju UTC sedia ada bagi menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan termasuk pelaksanaan pendigitalan dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, pertimbangan penubuhan UTC baharu perlu mengambil kira kemampuan agensi berkaitan untuk melaksanakan penempatan semula (redeployment) pegawai sedia ada tanpa melibatkan pertambahan perjawatan yang merupakan antara cabaran cabaran utama dihadapi agensi. Justeru, mengambil kira kedudukan dan keutamaan kewangan negara, MOF berpandangan bahawa bilangan 23 UTC sedia ada adalah memadai dan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan UTC baharu.